



Menu SkillsFuture kami menawarkan pelbagai pilihan program dan sumber yang disediakan khas buat semua warga Singapura untuk meraih kemahiran baru atau meningkatkan kemahiran bagi memenuhi tuntutan pekerjaan yang terus berubah.

Sama ada anda seorang pelajar, pekerja dewasa atau pekerja pertengahan kerjaya, gunakan risalah ini sebagai panduan bagi pembelajaran sepanjang hayat dan penguasaan kemahiran.

ISTIMEWA  SEPANJANG HARI

## UNTUK SEMUA WARGA SINGAPURA

Temui pelbagai tawaran menarik untuk meningkatkan kerjaya anda.

- 1 Pendidikan dan Bimbingan Kerjaya**  
Berjumpa dengan kaunselor ECG untuk mengetahui tentang pilihan pendidikan dan kerjaya yang tersedia. Pelajar boleh belajar tentang laluan pendidikan pasca-menengah, manakala mereka di ITE, politeknik, maktab rendah dan universiti akan didedahkan kepada pelbagai pilihan kerjaya.  
[skillsfuture.gov.sg/ecg](https://skillsfuture.gov.sg/ecg)
- 2 MySkillsFuture**  
MySkillsFuture ialah portal sehenti untuk bimbingan pendidikan, latihan dan kerjaya anda. Gunakan portal ini untuk mengenal pasti kemahiran yang kini relevan dan kursus yang layak untuk Kredit SkillsFuture. Portal ini juga akan membantu anda mengenal pasti set kemahiran anda yang sedia ada dan memberi anda cadangan yang diperibadikan. Tuntut Kredit SkillsFuture anda dan mohon juga inisiatif lain di portal MySkillsFuture.  
[myskillsfuture.gov.sg](https://myskillsfuture.gov.sg)

- 3 Rangka Kerja Kemahiran**  
Rangka Kerja Kemahiran memberikan maklumat terkini tentang laluan kerjaya, pekerjaan, peranan pekerjaan, kemahiran sedia ada dan memuncul, serta program pendidikan dan latihan yang relevan.  
[skillsfuture.gov.sg/skills-framework](https://skillsfuture.gov.sg/skills-framework)

- 4 Laporan Keperluan Kemahiran bagi Ekonomi Masa Depan**  
Laporan ini menyediakan maklumat terperinci mengenai pekerjaan dan kemahiran, serta mengetengahkan bidang pertumbuhan tinggi dalam ekonomi. Gunakan laporan ini untuk memahami trend serta perkembangan industri baru bagi membantu melakarkan pembangunan kemahiran anda.  
[skillsfuture.gov.sg/skillsreport](https://skillsfuture.gov.sg/skillsreport)

- 5 Khidmat Nasihat SkillsFuture**  
Fahami kepentingan perancangan kerjaya, peningkatan kemahiran dan ketahui lebih lanjut tentang pelbagai inisiatif pemerintah yang tersedia untuk menyokong anda dalam kemahiran dan perkembangan kerjaya anda.  
[skillsfuture.gov.sg/advice](https://skillsfuture.gov.sg/advice)

- 6 Khidmat Nasihat Kemahiran dan Latihan**  
Konsultasi peribadi percuma selama 30 hingga 45 minit yang akan membimbing anda untuk mengenal pasti keperluan kemahiran dan latihan, bagi menyokong peralihan atau kemajuan kerjaya anda.  
[go.gov.sg/myskillsfuture-sta](https://go.gov.sg/myskillsfuture-sta)

PEMBUKA  SELERA

## UNTUK PELAJAR

Dapatkan pengalaman awal dalam perjalanan anda menuju masa depan yang cerah.

- 7 Latihan Amali Tambahan**  
Pelajar ITE dan politeknik boleh mengikuti Latihan Amali yang Dipertingkat untuk belajar menerusi penempatan kerja. Ini adalah peluang untuk mendalami dan menggunakan kemahiran teknikal dan insani anda sambil memperoleh pengalaman industri.  
[skillsfuture.gov.sg/enhancedinternships](https://skillsfuture.gov.sg/enhancedinternships)

KOMBO  KEGEMBIRAAN

## UNTUK GRADUAN BARU DAN ORANG DEWASA MUDA YANG BEKERJA

Dapatkan pengalaman baru yang akan meningkatkan kemahiran kerja anda semasa anda mengikuti pembelajaran sepanjang hayat.

- 8 Program-program Bekerja-Belajar SkillsFuture**  
Terokai peluang kerja sambil belajar dari peringkat Diploma hingga Pasca-Diploma dan Ijazah yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi dan penyedia swasta yang dilantik oleh SkillsFuture Singapura dan industri.  
[skillsfuture.gov.sg/workstudy](https://skillsfuture.gov.sg/workstudy)

## UNTUK PEKERJA DI PERTENGAHAN KERJAYA

Nikmati peluang untuk memastikan kemahiran anda kekal relevan.

### Program Peralihan Kerjaya SkillsFuture

Direka untuk pekerja pertengahan kerjaya, program latihan dan penempatan ini menyokong individu memperoleh kemahiran yang relevan dengan industri, untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan beralih ke sektor baru atau peranan pekerjaan baru.  
[skillsfuture.gov.sg/sctp](https://skillsfuture.gov.sg/sctp)

### Pakej Bantuan Pertengahan Kerjaya SkillsFuture

Pakej ini menyediakan lebih banyak peluang peralihan kerjaya bagi penduduk tempatan berusia 40-an dan 50-an. Gunakan pakej sokongan ini untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan meraih pekerjaan yang baik.  
[skillsfuture.gov.sg/midcareersupportpackage](https://skillsfuture.gov.sg/midcareersupportpackage)

### Subsidi Yang Dipertingkat Bagi Kerjaya Pertengahan SkillsFuture

Warga Singapura yang berumur 40 tahun ke atas menerima subsidi sekurang-kurangnya 90% untuk program yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan, dan hingga 90% subsidi untuk yuran bagi kursus latihan kemahiran yang disahkan dan disokong oleh SkillsFuture Singapura.  
[skillsfuture.gov.sg/enhancedsubsidy](https://skillsfuture.gov.sg/enhancedsubsidy)

## UNTUK SEMUA PEKERJA DEWASA

Nikmati program penting ini dalam perjalanan penguasaan kemahiran anda.

### Kredit SkillsFuture

Warga Singapura berumur 25 tahun ke atas menerima kredit permulaan sebanyak \$500. **Kredit ini tidak akan luput.** Anda boleh menggunakannya untuk pelbagai kursus. Warga Singapura yang layak juga mendapat tokokan kredit \$500 sekali pada tahun 2020, yang akan luput pada 31 Disember 2025.  
[skillsfuture.gov.sg/credit](https://skillsfuture.gov.sg/credit)

### Program Fellow SkillsFuture

Dapatkan pengiktirafan dengan menunjukkan penguasaan kemahiran, menyokong pembelajaran sepanjang hayat, dan menjadi mentor kepada orang lain. Setiap penerima anugerah menerima anugerah wang sebanyak \$10,000 bagi menyokong usaha mereka dalam mengasah kemahiran masing-masing.  
[skillsfuture.gov.sg/fellowships](https://skillsfuture.gov.sg/fellowships)

### Siri Program Latihan SkillsFuture

Dalami kemahiran anda menerusi senarai program latihan pendek dan relevan dengan industri yang dipilih khas untuk memberi tumpuan pada kemahiran baru. Program disediakan bagi memenuhi keperluan pelajar dengan tahap kemahiran yang berbeza.  
[skillsfuture.gov.sg/series](https://skillsfuture.gov.sg/series)

SKILLS *future*

MENU ANDA UNTUK  
**PEMBELAJARAN  
SEPANJANG HAYAT DAN  
PENGUASAAN KEMAHIRAN**

Kekal berhubung bersama kami di



[skillsfuturesg](https://www.instagram.com/skillsfuturesg)



SkillsFuture SG

[skillsfuture.gov.sg](https://skillsfuture.gov.sg)

Dicetak pada Februari 2023

